

COVID-19: 323 rakyat Malaysia di Itali selamat - Duta Malaysia

AstroAwani

15 Mac 2020

Hasimi Muhamad,

KUALA LUMPUR: Kedutaan Malaysia di Itali mengesahkan kesemua 323 rakyat Malaysia yang berada di negara itu kini berada dalam keadaan selamat dan sentiasa di bawah pemantauan.

Duta Besar Malaysia ke Itali, Datuk Abdul Malik Melvin Castelino berkata pihaknya sudah mengenal pasti kedudukan rakyat Malaysia di negara itu dalam usaha untuk membawa pulang mereka.

Katanya, pihak Kedutaan Malaysia di Itali turut menubuhkan Task Force bersama Kedutaan Besar Malaysia Holy See bagi menguruskan proses evakuasi tersebut.

“Kami telah mengenalpasti lokasi di mana kedudukan rakyat Malaysia seramai 323 orang di seluruh Itali.

“Pada ketika ini kami sedang mendapatkan maklumat lanjut berhubung ahli keluarga mereka, dan kebanyakan mereka terdiri daripada golongan yang bekerja dan telah pun menetap di sini, selain mempunyai keluarga yang terdiri daripada rakyat Itali.

“Namun demikian, kami terus meningkat pemantauan dan meminta rakyat Malaysia yang masih belum mendaftar agar terus mendaftar supaya kita boleh membantu dari segi keadaan mereka secara peringkat ke peringkat,” katanya ketika dihubungi Astro AWANI, pada Ahad.

Jelas Abdul Malik, kebanyakan rakyat Malaysia dikesan berada di kawasan Utara Itali dan jumlah yang dibawa pulang akan ditentukan oleh pihak Kedutaan.

Katanya, setakat ini seramai 48 orang pelajar telah berdaftar dengan Kedutaan dan kebanyakan rakyat Malaysia yang berada di negara itu merupakan mereka yang telah berkahwin dengan warganegara Itali.

Sehubungan itu, beliau berkata Kedutaan akan sentiasa berkomunikasi dengan rakyat Malaysia bagi memastikan tahap kesihatan mereka, selain menghulurkan bantuan termasuk menyediakan peralatan perlindungan seperti penutup mulut dan hidung.

Terdahulu, Itali mengumumkan semua kedai kecuali farmasi dan kedai menjual makanan di dalam negara yang mempunyai lebih 60 juta penduduk itu akan ditutup selepas kes COVID-19 dalam negara itu meningkat kepada 12,462 kes daripada tiga kes dalam tempoh kurang daripada tiga minggu.

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid-19-323-rakyat-malaysia-di-itali-selamat-duta-malaysia-233780>